UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

KENYATAAN TAWARAN

1. Tawaran adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA / PERBENDAHARAAN MALAYSIA / CIDB** di dalam kod bidang yang berkaitan dan pendaftarannya masih lagi berkuatkuasa bagi tawaran berikut:-

RUJUKAN	BUTIRAN TAWARAN	PENDAFTARAN	HARGA
UMK(B)/S/ 56/2026-3PI	**KERJA-KERJA PEMBAIKAN KECIL DAN PENYELENGGARAAN BAGI SKOP KERJA AWAM SELAMA DUA BELAS (12) BULAN DI UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK) KAMPUS KOTA** Tarikh Tutup Tawaran: **02 NOVEMBER 2026 (ISNIN)** **12.00 TENGAH HARI**	**CIDB** **Gred: G2 (NEGERI KELANTAN)** **Kategori:** **B – BANGUNAN** **Pengkhususan:** **B24 – KERJA PENYENGGARAAN BANGUNAN**	**RM20.00**

2. Penyebut harga yang mempunyai kod bidang berkaitan dan masih sah pendaftarannya hanya boleh mendapatkan dokumen sebut harga melalui Sistem e-Perolehan UMK mulai **22 OKTOBER 2026 (KHAMIS).**

3. Hanya penyebut harga yang mendaftar **SECARA ATAS TALIAN (ONLINE)** dengan pihak UMK sahaja yang layak menyertai sebut harga ini. Pendaftaran sebagai pembekal dengan pihak UMK boleh dilakukan secara atas talian (online) di laman web e-Perolehan UMK melalui capaian:

https://www.tenderwizard.my/UMK

4. Harga dokumen sebut harga adalah **RM20.00**. Dokumen sebut harga boleh diperolehi setelah penyebut harga berdaftar secara atas talian dengan pihak UMK dan pembayaran pendaftaran telah dibuat.

5. Dokumen tawaran sebut harga serta lain-lain dokumen sokongan hendaklah dikemukakan secara atas talian (online) melalui Sistem e-Perolehan UMK pada atau sebelum **02 NOVEMBER 2026 (ISNIN)**, jam 12.00 tengah hari. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.

6. Pembekal yang berjaya menerima tawaran penyediaan bekalan/ perkhidmatan/ kerja melalui sistem e-Perolehan UMK akan dikenakan Fi Perkhidmatan sebanyak **0.8% (tidak termasuk SST 8%) daripada nilai kontrak/ tawaran tertakluk kepada had maksimum berjumlah RM9,600.00 bagi nilai kontrak RM1.2 juta atau lebih**.

7. Kenyataan tawaran ini juga boleh dilihat di laman web kami **http://iklan.umk.edu.my** dan laman web e-perolehan UMK.

8. Pihak Universiti tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran dan keputusan Universiti adalah muktamad.